# Pelajar ekspresikan biologi dalam diri menerusi program BioChallenge 3.0 2019

**Oleh: Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir dan Nurliyana Nadzri**




**SERDANG** – Seramai 222 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai program *"BioChallenge 3.0 2019"* dan mengekspresikan biologi dalam diri mereka menerusi pelbagai aktiviti menarik.

Program selama tiga hari itu yang bertemakan "*Unlock Your Biology* Self" mengumpulkan pelajar daripada pelbagai latar belakang pengajian. Ia dianjurkan Kelab Mahasiswa Biologi (KMB) di Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM.

Antara aktiviti yang dianjurkan ialah "*BioTALK*", "*BioINFOGRAPHIC*", "*BioVIDEO*", "*BioINNOVATE*", "*BioESSAY*" dan "*BioPHOTO*".

Program itu berjaya menjadi platform terbaik bagi mahasiswa mendalami dunia sains biologi serta bersikap kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan cabaran bagi setiap pertandingan yang disertai.

*BioChallenge 3.0 2019* menarik minat penyertaan mahasiswa daripada Fakulti Sains (190 pelajar), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (18), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (empat), Fakulti Perubatan Veterinar (tiga), masing-masing dua orang dari Fakulti Pertanian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, dan seorang dari Fakulti Perhutanan.

Penasihat program dan KMB, Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir berkata Program "*BioChallenge 3.0 2019*" kali ini mempersembahkan tema yang berbeza daripada tahun lalu iaitu "*Unlock Your Biology Self*" yang memerlukan pelajar untuk berani menampilkan diri dan menyerlahkan pengetahuan, bakat serta kemahiran dalam bidang biologi.

"Minda pelajar diasah untuk berfikir di luar kotak dalam mencari solusi untuk pelbagai masalah yang berkaitan dengan ilmu biologi di

LIHAT JUGA







pertanyaan selanjutnya
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.m

B1580692078

samping menerapkan sifat ingin tahu yang perlu wujud dalam diri seorang bakal saintis," katanya.

Beliau berkata, "*BioChallenge 3.0 2019"* merupakan pencapaian terbaik bagi KMB kerana berjaya menarik minat ratusan pelajar daripada pelbagai latarbelakang pengajian untuk melibatkan diri dalam dunia sains khususnya biologi.

BM

"Tahun ini sambutan amat memberangsangkan kerana peningkatan penyertaan peserta berbanding tahun sebelumnya. KMB pada tahun ini membuat sedikit kelainan dengan tidak mengehadkan penyertaan hanya untuk pelajar Fakulti Sains, sebaliknya membuka peluang kepada semua pelajar pra-siswazah UPM untuk turut melibatkan diri," katanya.

"*BioChallenge 3.0 2019*" adalah inisiatif UPM khususnya Jabatan Biologi dalam usaha melahirkan mahasiswa yang berkebolehan, bertanggungjawab, berpengetahuan luas serta mampu berdaya saing di masa hadapan.

Program turut mendapat tajaan serta sokongan daripada Fakulti Sains, UPM serta orang perseorangan berjaya mengumpulkan dana RM2,380.

Pengarah program, Illy Husna Ahmad Zainal berharap melalui program itu dapat membuka ruang dan peluang untuk mahasiswa mengetengahkan bakat dalam pelbagai bidang seperti fotografi, videografi, pengucapan awam, penulisan serta inovasi.

"Apa yang lebih menarik, hasil-hasil tersebut diinspirasikan oleh mereka sendiri dan persekitaran sekeliling. Sains bukan suatu bidang yang hanya boleh dipelajari dan didalami oleh pelajar aliran Sains sahaja kerana kita sebagai manusia adalah sebahagian daripada Sains," katanya. - UPM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Tarikh Input: 31/01/2020 | Kemaskini: 31/01/2020 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar_ekspresikan_biologi_dalam_diri_menerusi_program_biochallenge_30_2019-55123&title=Pelajar%20Ekspresikan%20Biologi%20Dalam%20Diri%20Menerusi%20Program%20BioChallenge%203.0%202019%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

**FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)**
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan 8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.p

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1580692078

B1580692078